

# Faktor Dorongan dan Proses Penerbitan Terjemahan Kitab *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if* ke Bahasa Melayu

**BITARA**Volume 1, Issue 4, 2018: 096-109  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Encouragement Factors and Publishing Process Services of Kitab *al-Manar al-Munif fi wa al-Sahih al-Da'if* to Malay]

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi<sup>1</sup>

### Abstrak

Antara usaha bagi memastikan sesuatu cabang ilmu itu berkembang adalah dengan menulis buku-buku rujukan sebagaimana yang dilakukan oleh para ulama muftakar dalam bidang ilmu masing-masing. Begitu juga Islam dan ilmu-ilmunya berkembang di Alam Melayu, iaitu melalui penulisan para ulama dalam semua cabang bidang keilmuan Islam termasuk melalui aktiviti penterjemahan dan saduran (adaptasi). Karya-karya dalam bidang 'aqidah, fiqh dan tasawuf begitu mendominasi di Alam Melayu namun ketinggalan dalam bidang hadith dan cabang-cabang ilmunya sama ada karya asli, terjemahan atau saduran. Namun telah wujud usaha bagi mengangkat wacana dalam bidang hadith dan disiplinnya yang melibatkan wacana yang begitu luas oleh tokoh-tokoh tempatan melalui ceramah-ceramah dan kuliah *talaqqi* secara konsisten selain seminar-seminar akademik serta kajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan doktor falsafah. Selain daripada itu aktiviti menterjemahkan karya-karya *turath* yang mengangkat wacana kepentingan bagi mengetahui status sesuatu hadith sama ada Sahih, Da'if atau Mawdu' berjaya menarik minat beberapa penerbitan swasta bagi melaburkan modal bagi membiayai penerbitan semula karya-karya ulama klasik Islam berkaitan topik tersebut. Antaranya Kemilau Publika Sdn. Bhd. menerbitkan karya oleh al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H) berjudul *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*. Penulisan ini mengkaji apakah faktor yang mendorong penerbitan naskah ini oleh penerbit dan bagaimana proses tersebut dilakukan sehingga ia siap diterbitkan.

### Kata Kunci

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*, terjemahan, penerbitan, 'Ulum al-Hadith

### Abstract

Efforts to ensure that one branch of expertise thrives involve writing reference books while researchers work in their respective fields of study. Similarly, Islam and various branches of knowledge have developed in the Malay world, namely through the writing of scholars in all branches of Islamic education, including through translation and adaptation activities. Works in the field of 'Aqeedah, Fiqh and mysticism are so prevalent in the tradition of Malaya, but also in the field of science and the branch of either original work, translations or adaptations. However, efforts have been made to enhance discourse in the field of hadiths and disciplines, which include a broad range of discourses by local leaders through *talaqqi* lectures and lectures, as well as academic seminars and

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Universiti Malaya, Selangor, Malaysia.  
E-mail: [zahiruddinabidi@gmail.com](mailto:zahiruddinabidi@gmail.com)

studies at the Bachelor, Master and Philosophy levels. In addition, the work of translating turath works, which gave rise to the discourse of knowing the status of hadith, whether Sahih, Da'if or Mawdu, has drawn some private publications to make investments to finance the re-publication of Islamic classical scholars on the topic. One of them is the Kemilau Publika Sdn. Yeah, Bhd., a company which has published a dissertation by al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyah (p. 751H) entitled *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*. This article discusses the factors that contributed to the publication of the manuscript and how the process was carried out before it was published.

#### Keywords

Ibn Qayyim al-Jawziyah, *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*, translation, publication, 'Ulum al-Hadith

#### Cite This Article:

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. 2018. Faktor dorongan dan proses penerbitan terjemahan kitab *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if* ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 096-109.

## Pengenalan

Sejarah penulisan kitab-kitab hadith secara rasmi bermula awal abad ke-2H iaitu zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz dalam khilafah Bani Umayyah (99-101H) apabila baginda mengarahkan (al-'Asqalani t.th.) seorang gabenornya yang bernama Abu Bakar bin Muhammad bin 'Amru bin Hazm untuk membukukan hadith-hadith Rasulullah SAW kerana faktor agama Islam yang semakin berkembang maju, semakin banyak negara yang berjaya dibuka (*futuhah*) dalam masa yang sama semakin banyak muncul perkara bid'ah dan khurafat (Perbincangan mengenai bid'ah dan khurafat adalah isu yang besar dalam wacana keilmuan Islam sehingga banyak buku yang dikarang khusus bagi membincangkannya. Antara perbincangan yang bersifat semasa, mengambil kira perbincangan dalam kitab *turath* (klasik) dan kitab *ma'asir* (semasa) serta berinteraksi dengan *waqi'* (realiti semasa) (al-Qaradawi 2008; Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali 2010; Abdul Ghani Azmi 2003; Mustafa 'Abdul Rahman 2008: 7).

Antara sebab hadith Rasulullah SAW tidak ditulis dan dibukukan ketika baginda masih hidup adalah kerana dua faktor iaitu: 1. Kaum Muslimin pada zaman Rasulullah SAW boleh merujuk terus kepada Rasulullah SAW dan kemudian selepas kewafatan baginda masih ada sahabat-sahabat baginda (termasuk isteri-isteri baginda) yang menghafal dan memahami *fiqh al-hadith* bagi dirujuk secara langsung bahkan mereka sentiasa mengemaskini dan berbincang (Faisal Ahmad Shah 2016: 28) mengenai kefahaman terhadap hadith-hadith tertentu, 2. Ia adalah larangan daripada Rasulullah SAW sendiri atas kekhuatiran penulisan lafaz-lafaz hadith akan bercampur dengan penulisan ayat-ayat al-Qur'an seperti mana yang Diriwayatkan oleh al-Imam Muslim secara *marfu'* dalam sahihnya daripada Abu Sa'id al-Khudri, *Kitab al-Zuhud wa al-Raqa'iq, Bab al-Tathabbuti fi al-Hadith wa Hukmi Kitabati al-'Ilm*, no. 3004, mafhumnya: "Janganlah kamu tulis daripadaku selain al-Qur'an, dan sesiapa yang menulis daripada selain al-Qur'an maka hapuskannya....".

Al-Imam al-Bukhari dan lain-lain menyatakan ia *mawquf*, al-Imam Abu Bakar al-Khatib al-Baghdadi membahaskan mengenai hadith-hadith dan *athar* daripada para sahabat dan tabi'in

mengenai larangan menulis hadith dalam *Taqyid al-'Ilm*. Menurut Muhammad Mustafa al-A'zami, sebenarnya terdapat banyak riwayat hadith yang sahih dan jelas membenarkan penulisan hadith dalam kalangan Sahabat, antara rumusan daripada nas mengenai larangan menulis hadith oleh Rasulullah SAW adalah: Larangan tersebut termasuk *nasakh* (menghapuskan) hadith dengan hadith, maksudnya hadith-hadith sudah ada yang ditulis oleh sahabat namun kemudian dilarang oleh Rasulullah SAW kerana khawatir bercampur dengan al-Qur'an. Ini pandangan Ibn Qutaybah, al-Ramahurmuzi dan al-Khattabi.

Larangan ini adalah bertitik tolak kepada larangan menulis al-Qur'an dan hadith Nabi SAW dalam satu lembar yang sama. Ini pandangan al-Khattabi, al-Khatib al-Baghdadi dan selain keduanya) (Mustafa 'Abdul Rahman 2008).

Lebih jauh lagi Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz juga mengarahkan gabenor-gabenor lain di bawah pemerintahan baginda melakukan perkara yang sama daripada semua ulama kawasan pentadbiran masing-masing. Antara arahan terawal adalah menulis hadith daripada seorang faqih wanita yang merupakan anak murid kepada Umm al-Mu'minin 'A'ishah r.ha. yang bernama 'Amrah binti 'Abd al-Rahman (21-98H), begitu juga daripada seorang faqih yang menghafal hadith tersohor dalam kalangan tabi'in bernama Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar (37-107H). Seruan itu juga disahut oleh seorang ulama besar pada masa itu iaitu Abu Bakr Muhammad ibn Muslim ibn 'Ubayd Allah ibn Shihab al-Zuhri (51-124H) dan beliau satu-satunya ulama besar pada zamannya yang menyahut seruan Khalifah bagi menulis hadith (Mustafa 'Abdul Rahman 2008).

Penulisan-penulisan hadith oleh al-Zuhri kemudian mendorong ulama-ulama lain melakukan perkara yang sama antaranya di Makkah penulisan hadith mula dilakukan oleh Ibn Jurayh (80-150H), di Madinah oleh Ibn Ishaq (150H) dan Imam Malik bin Anas (93-179H), di Basrah oleh al-Rabi' bin Sabih (160H), di Kufah oleh Sufyan al-Thawri (161H), di Sham oleh al-Imam al-Awza'i, di Khurasan oleh 'Abd al-Rahman bin al-Mubarak (181H) dan di Yaman oleh Mu'ammarr bin Rashad (95-153H). Semua ulama tersebut hidup dari awal hingga lewat pertengahan abad ke-2 hijriah. Susunan dan penulisan hadith lengkap mushaf paling tua kekal sehingga hari ini di tangan orang Islam adalah *al-Muwatta'* karangan al-Imam Malik bin Anas (Mustafa 'Abdul Rahman 2008).

## Penulisan Kitab Ilmu-ilmu Hadith Berdasarkan Kurun Hijriah

Dr. Muhammad bin Matar al-Zahrani (1996), antara ilmuwan yang menulis dengan lebih khusus mengenai perkembangan penulisan kitab-kitab hadith berdasarkan turutan kurun hijriah. Ini bermaksud penyusunan tersebut bukan hanya melibatkan kitab himpunan *isnad* (rantai per riwayat) dan *matan* (teks hadith) seperti *al-Musnad* (Dari segi bahasa ia bermaksud kata nama objek dari *asnada al-shay' ilayh* dengan erti menyandarkan dan menisbaskan sesuatu kepadanya. Dari segi istilah ia mempunyai tiga makna: 1. Penulisan kitab yang terhimpun padanya riwayat-riwayat semua sahabat secara berasingan, 2. Hadith *Marfu'* yang bersambung sanadnya atau yang sanadnya bersambung, 3. Semakna dengan sanad atau erti sanad dengan itu adalah *al-Musnad Masdar Mimi* (*masdar* yang dimulakan dengan huruf *mim*) (Tahhan 1415H: 7) atau *Kutub al-Sittah* (1. Sahih al-Bukhari, 2. Sahih Muslim, 3. Sunan Abu Dawud, 4. Sunan

Ibn Majah, 5. Sunan al-Nasa'i dan 6. Jami' al-Tirmidhi) (enam kitab utama pengumpulan *isnad* dan matan) atau *Kutub al-Tis'ah* (Kesemua *Kutub al-Sittah* termasuk tiga lagi kutub iaitu: 7. Sunan Darimi, 8. Musnad Ahmad, dan 9. Muwatta' Malik) sahaja, tetapi termasuk juga kitab-kitab yang ditulis khas seiring perkembangan cabang ilmu-ilmu hadith ('*Ulum al-Hadith*) kemudiannya sama ada dalam aspek ilmu *riwayah* dan ilmu *dirayah* yang begitu rancak ditulis bermula dari abad ke-5H hingga akhir abad ke-9H (al-Zahrani 1996).

Antara cabang ilmu hadith yang muncul seiring dengan penulisan-penulisan kitab oleh ulama dalam bidang hadith berdasarkan kurun hijriah adalah:

Abad pertama dan ke-2H	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sudah ada usaha menulis hadith-hadith Nabi SAW oleh sebahagian daripada sahabat atas tujuan yang khusus namun tidak sistematik, malah larangan oleh Rasulullah SAW sendiri dibincangkan oleh ulama hadith dengan panjang lebar mengenai fiqh hadith tersebut yang membawa kesimpulan larangan itu bukanlah larangan mutlak (lihat nota kaki no. 8). Pengumpulan dan penulisan hadith kemudian menjadi rasmi atas arahan Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz pada zaman pemerintahannya (Tahhan 1415H: 65-94).</li> </ul>
Abad ke-3H	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasa pertama: munculnya kitab <i>al-Musnad</i>, ada lebih 14 jenis al-Musnad dan antara yang paling menonjol adalah <i>Musnad Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal</i> (w. 241H).</li> <li>• Fasa kedua: <i>al-Kutub al-Sittah</i> iaitu 1. Sahih al-Bukhari, 2. Sahih Muslim, 3. Sunan Abu Dawud, 4. Sunan Ibn Majah, 5. Sunan al-Nasa'i dan 6. Jami' al-Tirmidhi (Tahhan 1415H: 95-145).</li> </ul>
Abad ke-4H dan 5H	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penulisan kitab-kitab hadith era ini menjadi lebih rencam dan mengkhusus antaranya menggunakan <i>manhaj al-sahihayn</i> dalam takhrij seperti Sahih Ibn Khuzaymah (m. 311H), Sahih Ibn Hibban (m. 354H), Sahih Ibn al-Sakan (m. 353H), Sahih al-Hakim (m. 405H).</li> <li>• Muncul juga penulisan yang dibataskan seputar al-Sunnah Nabi SAW dan hukum fiqh yang mencakup hadith sahih seperti Mutaqa Ibn al-Jarud (m. 307H), Sunan al-Daraqutni (m. 385), Sunan al-Bayhaqi (m. 458H).</li> <li>• Antara yang diberi perhatian juga adalah tema <i>mukhtalaf al-hadith</i> dan <i>mushkilnya</i>, sebagaimana dalam dua buah kita karangan al-Imam al-Tahawi (m. 321H) iaitu <i>Sharh Ma'ani al-Athar</i> dan <i>Mushkil al-Athar</i> dan lain-lain. Penulisan bidang tersebut sebenarnya sudah dimulakan oleh al-Imam al-Shafi'i (m. 204H) dalam kitabnya <i>Ikhtilaf al-Hadith</i> dan oleh Ibn Qutaybah (m. 204H) dalam kitabnya <i>Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith</i> dan lain-lain karya dalam disiplin ilmu tersebut.</li> <li>• Malah pada era itu juga muncul penulisan menggunakan metode/manhaj baru dalam khidmat kepada al-Hadith seiring</li> </ul>

	<p>dengan perkembangan ilmunya iaitu: 1. Kitab-kitab <i>Mustalah – ‘Ulum al-Hadith</i>, dan 2. Kitab-kitab <i>Mustakhrajat</i>.</p> <p>+ Sebelumnya pada abad ke-2 dan 3 hijriah, penulisan ilmu <i>mustalah</i> telah dilakukan namun tidak secara khusus melainkan bercampur dengan penulisan lain seperti <i>al-Risalah</i> al-Imam al-Shafi‘i, <i>Muqaddimah Sahih Muslim</i>, <i>al-Tamyiz</i> karya al-Nawawi dan kitab-kitab <i>al-Rijal wa al-‘Ilal</i>.</p> <p>+ Karya pertama paling lengkap dalam ilmu <i>mustalah</i> berjudul <i>al-Muhaddith al-Fasil</i> karya Abu Muhammad al-Ramahurmuzi. Kemudian diikuti oleh Abu ‘Abd Allah al-Hakim berjudul <i>Ma‘rifat ‘Ulum al-Hadith</i> yang kemudian ditakhrij oleh anak muridnya sendiri, Abu Nu‘aym al-Asbahani (m. 430H) dan kemudian berjujukan muncul kitab-kitab yang ditulis dalam bidang ilmu tersebut (Tahhan 1415H: 146-198).</p>
<p>&gt;Setelah abad ke-5H hingga akhir abad ke-9H</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latar belakang zaman ini adalah berbeza dengan zaman-zaman sebelumnya dan dari sosiopolitik negara-negara umat Islam dan umat Islam sendiri sedang berhadapan dengan ancaman dari dalam dan luar lingkungan mereka sendiri antaranya kerana: 1. Kejumudan pemikiran dan kemandulan ilmu pengetahuan mula melanda dunia Islam seawal abad ke-5 Hijriah, 2. Siri-siri peperangan dengan Tentera Salib yang masih berlangsung, dan kemuncaknya 3. Serangan Tartar ke atas seluruh Asia Barat sehingga runtuh pusat peradaban dunia pada masa itu – Baghdad pada tahun 656 Hijriah, 4. Semakin banyak firqah-firqah khurafat dan bid‘ah muncul atas pelbagai jenama dan rupa serta ritual-ritual yang direka atas nama agama, 5. Konflik politik dalam sesama pemimpin orang-orang Islam yang mengejar wilayah kekuasaan dan harta benda sehingga berbunuhan sesama sendiri. Namun dalam sela masa yang agak panjang itu ada segelintir pemimpin kaum Muslimin yang berwibawa tetap menunjukkan <i>himmah</i> yang tinggi bagi berkhidmat untuk perkembangan ilmu al-Quran dan al-Sunnah selain para ulama yang terus menerus melakukan usaha mentajdidkan pemahaman agama dan memperkembangkan wacana ilmu-ilmu Islam melalui penulisan mereka. Antaranya mereka meneliti dan menggali semula khazanah para ulama salaf dan memperbaharuihnya dari sudut metodologi penyusunan dan seumpama bagi memperkemaskan penulisan ilmu-ilmu yang sudah sedia ada dan menyusun secara khusus penulisan-penulisan atas tema yang tertentu sehingga muncul sebagai satu bidang ilmu yang baharu.</li> <li>• Antara para ulama tersebut adalah: al-Hafiz Abu Bakr al-Bayhaqi, al-Hafiz al-Baghdadi, Muhammad bin Tahir yang dikenali sebagai Ibn al-Qaysarani, al-Muhyi al-Sunnah</li> </ul>

	<p>(Penghidup Sunnah) al-Baghawi, Abu Bakr al-Hazimi, Abu Musa al-Madini, Muhammad bin Tahir al-Salafi, al-Hafiz Ibn al-Jawzi dan ulama-ulama bahagian Timur yang lainnya. Di bahagian Barat muncul al-Hafiz Ibn ‘Abd al-Bar, Abu Muhammad bin Hazm, Abu al-Walid al-Baji, Abu ‘Abd Allah al-Humaydi, ‘Abd al-Haq al-Ishbili, Abu al-‘Abbas al-Qurtubi, al-Qadi ‘Iyad, Razin bin Mu‘awiyah dan lain-lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abad ke-7 Hijriah menunjukkan kelahiran keutuhan ilmu dengan munculnya ulama-ulama al-Sunnah sama ada muhaddithin atau fuqaha’ seumpama al-Hafiz ‘Abd al-Ghani al-Maqdisi (m. 600H), Ibn al-Athir (m. 606H), al-Diya’ al-Maqdisi(m. 643H), al-Hafiz al-Mundhiri (m. 656H), Sultan al-‘Ulama’ al-‘Iz bin ‘Abd al-Salam (m. 660H) dan lain-lain seumpama. Kemuncaknya pada abad ke-8 Hijriah munculnya Shaykh al-Islam al-Hafiz Abu al-‘Abbas Ibn Taimiyyah (m. 728H) dan jujukan muridnya seperti al-Mizzi (m. 724H), Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H), ‘Alam al-Din al-Barzali (m. 739H), Shams al-Din al-Dhahabi (m. 748), al-Hafiz Abu al-Fida’ Ibn Kathir (m. 774H), al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali (m. 795H), kemudian perjuangan mengangkat manhaj al-Qur’an dan al-Sunnah ini disambung pula oleh al-Hafiz al-‘Iraqi (m. 806H) dan para ulama yang lahir daripada madrasahnyanya seperti Abu Bakr al-Haythami (m. 807H), Shihab al-Din Abu al-‘Abbas al-Busiri (m. 840H), al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani (m. 852H) dan ramai lagi.</li> <li>• Daripada mereka semua muncul penulisan dalam bidang ilmu-ilmu hadith seperti kitab: 1. <i>al-Mawdu‘at</i> (himpunan hadith palsu), 2. <i>al-Ahkam</i> (himpunan hadith hukum-hakam), 3. <i>Gharib al-Hadith</i> (himpunan hadith yang ada keganjilan), 4. <i>al-Atraf</i> (himpunan sebahagian (awal atau hujung) matan hadith yang sama pada sanad yang juga sama), 5. <i>Takhrij</i> (menyatakan sumber asli hadith diambil), 6. <i>Zawa‘id</i> (menggabungkan bersama selain hadith-hadith dalam <i>Kutub al-Sittah</i> seperti dari Musnad Ahmad, Sunan al-Darimi, Sunan Ibn Hibban dan lain-lain), <i>al-Jawami‘</i> (himpunan hadith segenap cabang ilmu seperti ‘aqidah, hukum, hamba, adab, tafsir, sejarah, fitnah, kiamat, peperangan dan kedudukan serta keutamannya) (Tahhan 1415H: 199-252).</li> </ul>
--	---

Penyusunan sejarah penulisan kitab hadith oleh al-Zahrani lebih khusus kepada penulisan yang berbentuk himpunan matan hadith dan cabang-cabangnya. Ia tidak membincangkan secara khusus mengenai jenis penulisan *sharh* (huraian) kepada kitab himpunan tersebut dan penulisan mengenai perkembangan penulisan kitab ilmu-ilmu hadith itu sendiri sama ada cabang *riwayah* dan *dirayah* seperti ilmu *Usul al-Hadith*, *Rijal al-Hadith*, *al-Jarh wa al-Ta‘dil*, *I‘lal al-Hadith*, *Mukhtalif al-Hadith*, *Gharib al-Hadith*, *Nasikh wa Mansukh al-Hadith*, *Sabab Wurud al-*

*Hadith, Mustalah al-Hadith, al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith* dan banyak lagi. Setiap daripada cabang perbahasan *'Ulum al-Hadith* tersebut mempunyai sejarah kemunculan dan perkembangannya serta penulisannya yang tersendiri dan ia terus berkembang sampai ke hari ini dalam hampir bidang khususnya bidang *takhrij* dan *tahqiq* naskhah-naskhah lama meskipun sudah ditakhrij dan ditahqiq oleh ulama sebelumnya.

## Perkembangan Penulisan Ilmu Hadith di Alam Melayu

Menurut Fauzi Deraman (2010) penulisan ilmu-ilmu Islam di Alam Melayu lebih didominasi oleh bidang 'aqidah, fiqh dan tasawwuf berdasarkan penulisan naskhah-naskhah tersebut oleh para ulama Alam Melayu. Karya-karya dalam bidang hadith sama ada himpunan dan terjemahan matan, atau terjemahan kutub hadith yang sudah sedia ada apatah lagi penulisan mengenai cabang ilmu-ilmu hadith dalam bahasa Melayu atau terjemahan daripada bahasa Arab adalah begitu kurang apatah lagi syarah kepada kitab-kitab *mutun* hadith itu sendiri yang biasanya berjumlah berjilid-jilid banyaknya (Fauzi Deraman 2010:1).

Namun itu tidaklah bermaksud tidak ada langsung penulisan sama ada karya asli atau terjemahan bagi kitab teks-teks (*mutun*) hadith dan syarahnya serta ilmu-ilmu hadith, malah pengajian kitab-kitab hadith utama dalam beberapa kategori tetap dipelajari di Alam Melayu khususnya di pondok-pondok, sekolah-sekolah beraliran Agama-Arab, surau dan masjid. Dalam aspek ilmu *riwayah*, antara yang mendapat perhatian adalah *Matan Arba'in al-Nawawiyyah* dan *Riyad al-Salihin min Kalam al-Sayyid al-Mursalin* oleh al-Imam al-Nawawi (m. 656H), *Bulugh al-Maram* oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (m. 852H), *Mukhtar al-Ahadith* oleh Ahmad Hasyimi dan sebagainya, turut diberi perhatian beberapa kitab daripada *Sunan al-Sittah* atau *Kutub al-Tis'ah* namun ia tidak meluas (Fauzi Deraman 2010: 3).

Paling tidak ada lima jenis karya penulisan berkaitan ilmu-ilmu hadith di Alam Melayu yang ditulis menggunakan tulisan Jawi iaitu:

1. Karya yang menghimpunkan hadith-hadith pilihan daripada pelbagai kitab hadith sebelumnya.
2. Karya yang menghimpunkan pelbagai hadith daripada pelbagai sumber beserta syarahnya.
3. Karya terjemahan daripada kitab-kitab hadith tertentu oleh pengarang/ulama tertentu beserta syarahnya.
4. Karya terjemahan matan tanpa syarah daripada kitab tertentu oleh penulis tertentu.
5. Karya berkaitan dengan *'Ulum al-Hadith* dan cabang-cabangnya seperti *mustalah al-hadith* dan lain-lain (Fauzi Deraman 2010: 4).

Antara judul-judul karya yang ditulis dalam kategori sebagaimana di atas adalah:

Karya yang menghimpunkan hadith-hadith pilihan daripada pelbagai kitab hadith sebelumnya (Fauzi Deraman 2010: 5).	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Lubab al-Hadith</i> oleh Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah al-Qadi (m. 1998).</li> <li>2. <i>Empat Puluh Hadith Penawar Hati</i> (1992) oleh Abu Ali al-Banjari al-Nadwi (Siri himpunan 40 Hadith</li> </ol>
---	--

	<p>oleh pengarang atau nama sebenarnya Syeikh Ahmad Fahmi Zam Zam semuanya berjumlah lima siri. Selain daripada siri 40 Hadith Penawar Hati, kemudian diterbitkan juga 40 Hadith Kelebihan Ilmu dan Ulama, 40 Hadith Akhlak Mulia, 40 Hadith Peristiwa Akhir Zaman dan 40 Hadith Kiamat Hampir Tiba. Kesemua lima naskah tersebut kemudian dikompilasikan oleh penerbit Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Lihat Syeikh Ahmad Fahmi Zam Zam (Abu Ali al-Banjari al-Nadwi al-Maliki) (2013), <i>Edisi Istimewa 40 Hadith Akhir Zaman: Serta Tiga Siri Kitab 40 Hadith &amp; Huraiannya Merangkumi ILMU DAN ULAMA, AKHLAK MULIA dan PENAWAR HATI</i>, Kota Damansara: Galeri Ilmu Sdn. Bhd).</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. <i>Mutiara Hadith-Hadith Pilihan</i> dari al-Jami' al-Saghir al-Suyuti oleh Haji Zakaria Haji Ahmad Wan Besar.</li> <li>4. <i>Sarir al-Bab</i> oleh Mohd Zain Haji Ibrahim.</li> </ol>
<p>Karya yang menghimpunkan pelbagai hadith daripada pelbagai sumber beserta syarahnya (Fauzi Deraman 2010: 7).</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim</i> oleh Shaykh Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi (m. 1989M).</li> <li>2. <i>Muqaddimah Mustika Hadith Rasulullah (s.a.w.)</i> (1973), <i>Mastika Hadith Jilid 1</i> (1984), <i>Jilid ke-2</i> (1984), <i>Jilid ke-3</i> (1995) oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (sekarang JAKIM), disusun oleh Datuk Haji Muhammad Nor bin Ibrahim (m. 1987), Datuk Haji Ismail Yusoff (m. 1988M), Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (m. 1996).</li> <li>3. <i>Misbah al-Zalam Bahjah al-Anam</i> (1985) oleh Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah al-Qadi (m. 1998M).</li> </ol>
<p>Karya terjemahan daripada kitab-kitab hadith tertentu oleh pengarang/ulama tertentu beserta syarahnya (Fauzi Deraman 2010: 11).</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub</i> (1888) oleh Tok Wan Ali Kutan bin Abdul Rahman Kutan al-Kalantani.</li> <li>2. <i>Kanz al-Amin fi Sharh al-Arba'in</i> (1938) susunan Haji Mukhtar bin Ahmad bin Mohd Zain al-Kalantani.</li> <li>3. <i>Tajdhib al-Atraf al-Hadith bi Sharh Ma fi Kitab Mukhtar al-Hadith</i> (1949) oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi.</li> <li>4. <i>Sharh Sahih Muslim</i> (1949) oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi.</li> </ol>



	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. <i>Ilham al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari</i> (1949) oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi.</li> <li>6. <i>Bahr al-Madhi Sharh Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi</i> (1933-1960) oleh Shaykh Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi.</li> <li>7. <i>Hadith Empat Puluh</i> (1958) oleh Asbirin Yaakob.</li> <li>8. <i>Bulugh al-Maram</i> (1962) oleh Ismail dan Sulaiman.</li> </ol>
<p>Karya terjemahan matan tanpa syarah daripada kitab tertentu oleh penulis tertentu (Fauzi Deraman 2010: 13).</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Hidayah al-Mukhtar fi Fadli Talab 'Ilm wa Fadli Sahibih min Kalam Sayyid al-Akhyar</i> (1829) oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani. Ia mengandungi 40 hadith namun ia bukan terjemahan <i>Matan Arba'in al-Nawawiyyah</i>, tapi terjemahan kepada susunan oleh al-Hafiz Zakiy al-Din 'Abd al-'Azim bin 'Abd al-Qawiy al-Mundhiri.</li> <li>2. <i>Tadhkir Qaba'il al-Qadi fi Tarjamah al-Bukhari</i> (1930) oleh Haji Husain Mohd Nasir al-Ma'udi iaitu Tuan Husain Kedah. Ia adalah terjemahan kitab <i>Jawahir al-Bukhari wa Sharh al-Qastalani</i> yang merupakan karya ulama era moden Al-Azhar iaitu al-Shaykh al-'Allamah Muhammad 'Imarah al-Misriyyah.</li> <li>3. <i>Sabda Utusan Ilahi</i> (1951) oleh Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman. Terjemahan 51 buah hadith pelbagai isu.</li> <li>4. <i>Pelajaran Hadith Junjungan Rasulullah</i> (1953) oleh Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman.</li> <li>5. <i>Pelajaran Hadith Nabawi</i> (1959) oleh Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman.</li> <li>6. <i>Tanbih al-Ghafilin bi Ahadith Sayyid al-Anbiya' wa al-Mursalin</i> oleh Haji Zakariyya Haji Ahmad Wan Besar. Karya asal oleh al-Shaykh Nasr bin Muhammad bin Ibrahim al-Samarqandi.</li> <li>7. <i>Sinaran Hadith</i> (1966) oleh Ibrahim Azmi Hasan, naskhah ini ditashih oleh Sayyid Idrus bin Abdullah al-Habsyi.</li> <li>8. <i>Al-Adab al-Nabawi 'Izat Balighah wa Hikam 'Aliyyah wa Adab Samiyah</i> (1973) oleh Ustaz Yusuf Ahmad Lubis terjemahan 100 buah hadith susunan asal oleh al-Shaykh Muhammad 'Abdul 'Aziz al-Khawli, pensyarah Syariat Islam, Darul Ulum Mesir.</li> <li>9. <i>Terjemahan Sahih Bukhari</i> (1995) dan <i>Riyad al-Salihin</i> (1994) oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (sekarang JAKIM).</li> </ol>

<p>Karya berkaitan dengan 'Ulum al-Hadith dan cabang-cabangnya seperti <i>Mustalah al-Hadith</i> dan lain-lain (Fauzi Deraman 2010: 15).</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Kepalsuan yang Masyhur</i> (1953) oleh Ahmad Ali Abu Bakar, mengandungi 352 hadith palsu yang banyak tersebar dalam masyarakat.</li> <li>2. <i>Al-Qutuf al-Daniyyah Sharh Matn al-Bayquniyyah</i> oleh Dato' Haji Ismail Yusof (m. 1988M). Diterbitkan oleh MAIK dan dijadikan teks pengajian di Maahad Muhammadi.</li> <li>3. <i>Risalah Kecil Mengenai Mustalah Hadith</i> oleh Haji Yaakob bin Haji Ahmad.</li> <li>4. <i>Pengenalan Kitab-kitab al-Sunan al-Sittah</i> (1985) oleh Dr Budah @ Uдах bin Muhsin, diterbitkan oleh DBP.</li> <li>5. <i>Ulum al-Hadith</i> (1995) oleh Dr Budah @ Uдах bin Muhsin, penerbit DBP.</li> <li>6. <i>Matali' al-Anwar wa Majma' al-Azhar</i> oleh Shaykh Uthman Jalaluddin al-Kalantani.</li> </ol>
--	---

Apabila dikelaskan perkembangan penulisan hadith dan ilmu-ilmunya berdasarkan dekad, perkembangan selepas tahun 2000 atau awal abad ke-21 ini menunjukkan perkembangan yang positif seiring dengan perkembangan munculnya rumah-rumah penerbitan buku yang cenderung menerbitkan buku-buku berunsur ilmu Islam dalam pelbagai genre termasuk buku-buku berkenaan dengan hadith dan ilmu-ilmunya.

## Perkembangan Semasa Penulisan dan Penerbitan Berkaitan Hadith dan Ilmu-ilmunya

Tahun 2000 dan ke atas menunjukkan satu perkembangan yang positif dalam industri penerbitan buku-buku berunsur ilmu-ilmu Islam oleh penerbit-penerbit yang diusahakan oleh pemilik-pemilik Melayu Islam, sebelumnya industri buku-buku agama secara umum dikuasai oleh golongan India Muslim yang sudah sekian lama menapak dalam industri ini di negara ini sedari dari awal abad ke-20 lagi. Penerbit buku di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

1. Penerbit buku kerajaan, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM),
2. Penerbit buku universiti, sama ada IPTA atau IPTS,
3. Penerbit buku swasta dan segmen ini paling luas dan banyak di Malaysia,
4. Penerbit individu iaitu sebilangan kecil penulis yang menerbitkan karya mereka sendiri.

Pengumpulan data berbentuk jumlah penerbitan buku berkaitan dengan hadith dan ilmu-ilmunya oleh keempat-keempat kategori penerbit khususnya selepas tahun 2000 wajar

dilakukan dengan komprehensif kerana setakat ini tiada kajian khusus dijalankan di peringkat akademik.

Kajian ini fokus kepada segmen ketiga dan mengecilkan skopnya hanya kepada penerbit Kemilau Publika Sdn. Bhd yang diasaskan oleh Encik Masri Abu Soed yang merupakan bekas pengarah eksekutif tabloid HAKAKAH. Asalnya Kemilau Publika banyak menerbitkan karya-karya hasil transkrip daripada kuliah-kuliah almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (1931-2015). Mutakhir ini, Kemilau Publika aktif menterjemahkan naskhah-naskhah terjemahan bertemakan ilmu hadith oleh ulama-ulama zaman silam. Antara karya terbitan penerbit tersebut adalah:

1. *Kenali Hadis Shohih, Dhoif, Palsu* (2015), terjemahan daripada kitab المنار المنيف في الصحيح والضعيف oleh al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah r.h. (m. 751h) Beliau adalah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Sa'd bin Hariz al-Zura'i al-Dimashqi (691-751H). Lihat Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2015), *Kenali Hadis Shohih, Dhoif, Palsu*, Syihabuddin Ahmad *et. al.* (terj.), Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd., h. xx
2. *Sebab Hadis Diucapkan Oleh Rasulullah* (2015), terjemahan daripada kitab أللمع في أسباب الحديث oleh al-Imam Jalal al-Din al-Suyuti r.h. (m. 911H) Beliau adalah Abu al-Fadl Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin al-Kamal Abu Bakr bin Muhammad bin Sabiq al-Din al-Khudayri al-Suyuti al-Shafi'i (849-911H). Lihat Imam As-Suyuti (2015), *Sebab Hadis Diucapkan Oleh Rasulullah*, Syihabudin Ahmad *et. al.* (terj.), Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd., h. xxi
3. *Menolak Celaan Terhadap Ulama: Perselilihan Bukan Perpecahan* (2016), terjemahan daripada kitab زرع الملام عن الأئمة الأعلام oleh Shaykh al-Islam Ibn Taimiyyah r.h. (m. 728H) (Beliau adalah Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Abi al-Qasim bin al-Khidr bin Muhammad bin Taimiyyah al-Harrani (661-728H). Lihat Ibnu Taimiyyah (2016), *Menolak Celaan Terhadap Ulama: Perselilihan Bukan Perpecahan*, Syihabudin Ahmad *et. al.* (terj.), Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd., h. xv)

Selain daripada tiga naskhah di atas beberapa lagi karya terjemahan penting juga diterbitkan oleh Kemilau Publika seperti *al-Shama'il al-Muhammadiyah*, *'Umdat al-Ahkam*, *Sharh Matan Arba'in al-Nawawiyyah* dan banyak lagi sama susunan bertema atau terjemahan. Namun kajian hanya memfokuskan mengenai faktor dorongan dan proses penterjemahan naskhah terjemahan *Kenali Hadis Shohih, Dhoif, Palsu* (2015), terjemahan daripada kitab *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if* oleh al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah r.h. (m. 751h).

## **Faktor Pendorong Penerbitan *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if***

Menurut pengarah urusan Kemilau Publika Sdn. Bhd., Masri Abu Soed antara sebab mengapa beliau terdorong dan mengambil keputusan menerbitkan karya-karya terjemahan bertemakan ilmu-ilmu hadith kerana melihat kepada perkembangan semasa kesedaran masyarakat awam terhadap pengajian ilmu-ilmu hadith yang semakin meningkat. Ini dapat dikesan melalui

permintaan terhadap buku-buku terjemahan daripada Indonesia berkaitan tema tersebut yang tinggi (Masri Abu Soed 2016).

Dalam masa yang sama terjemahan bahasa Indonesia masih payah dibaca oleh mereka tidak biasa dengan terjemahan bahasa tersebut, dan ini menyebabkan ada daripada kalangan pencinta ilmu daripada kalangan orang awam yang mula berminat untuk mendalami ilmu hadith bertanya kepada penerbit apakah ada kitab-kitab ilmu hadith dalam bahasa Melayu. Selain daripada itu, majlis-majlis ilmu (*dawrah*) atas tema hadith oleh tokoh-tokoh yang memgkhusus (dalam bidang hadith semakin mendapat sambutan di seluruh negara. Contohnya pengajian bulanan kitab hadith *Riyad al-Salihin min Kalam min Sayyid al-Mursalin* oleh SS Prof. Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin (Dr MAZA) di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), Kuala Lumpur dan juga siri syarahan hadith pelbagai kitab utama oleh Maulana Muhammad Asri Yusoff yang saban minggu diadakan di sekitar Lembah Klang. Ini disemarakkan lagi dengan kuliah-kuliah di surau dan masjid khususnya di Lembah Klang yang mula fokus bagi mengangkat pengajian hadith dan ilmu-ilmunya sebagai pengajian wajib di premis masing-masing (Masri Abu Soed 2016).

Menurut Masri Abu Soed lagi, beliau juga sering mengikuti perkembangan peminat-peminat pengajian hadith sama di *Facebook* atau *Youtube*, daripada pemerhatian dan data-data umum yang beliau cerap itu ternyata memberikan keyakinan bahawa terjemahan karya-karya bertema ilmu hadith dan cabang-cabangnya pasti akan mendapat sambutan apatah lagi jika naskhah rujukan dan bacaan tersebut belum lagi diterbitkan oleh penerbit lain (Masri Abu Soed 2016).

Selepas penerbitan naskhah terjemahan seperti *al-Rahiq al-Makhtum*, *al-Shama'il al-Muhammadiyah*, *'Umdat al-Ahkam*, *Sharh Matan Arba'in al-Nawawiyyah* dan beberapa karya berkaitan dengan ilmu-ilmu hadith, Syihabudin Ahmad (Mantan editor syariah Kemilau Publika Sdn. Bhd., lulusan Fakulti Syariah Universiti Al-Azhar, Mesir dan sekarang merupakan calon Sarjana Syariah (Fiqh & Usul Fiqh) di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) telah mencadangkan kepada beliau, untuk menerbitkan edisi terjemahan *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*. Setelah meyakini bahawa naskhah tersebut amat signifikan dengan perkembangan dan kecenderungan masyarakat awam yang semakin meminati dan celik pengajian berkaitan hadith, beliau kemudian meluluskan proposal bagi menterjemah dan menerbitkan naskhah tersebut (Masri Abu Soed 2016).

## Proses Penterjemahan dan Penerbitan

Pertama, selepas proposal bagi menterjemah dan menerbitkan naskhah ini diluluskan, pihak editorial perlu mengenal pasti naskhah tahqiq terbaik buku tersebut bagi rujukan asas dalam proses penterjemahan. Pihak editorial telah memutuskan untuk menjadikan naskhah edisi tahqiq oleh Shaykh Yahya bin 'Abd Allah al-Thumali, naskhah tersebut telah dipantau oleh Shaykh Bakr bin 'Abd Allah Abu Zayd terbitan Dar 'Alam al-Fawa'id, tarikh penerbitannya tidak dinyatakan (Ibn Qayyim al-Jauziyyah (2015: xii).

Kedua, editor syariah merangkap ketua projek terjemahan kemudian mengenal pasti beberapa penterjemah dan membahagikan tugas terjemahan kepada mereka berdasarkan naskhah di atas. Jadi empat orang penterjemah terlibat dalam projek ini iaitu:

1. Syihabudin Ahmad (ketua projek)
2. Mohamad Razif Mohd Fuad (Lulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Falsafah), USIM. Calon Sarjana Ilmu Wahyu, UIAM)
3. Atikah binti Mohamad Fadzil
4. Zainab Husna binti Hussen

Ketiga, selepas terjemahan selesai dan ketua projek menyemak dan menyusunnya seterusnya naskhah tersebut diserahkan kepada editor bahasa kemudian diserahkan semula kepada ketua projek bagi semakan seterusnya sebelum diserahkan kepada pereka letak dan dalam masa yang sama rekaan kulit buku dijalankan serentak. Penekanan dalam proses terjemahan naskhah ini dinyatakan dalam bahagian 'Metodologi Terjemahan' yang mengambil kira lima kaedah utama (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 2015: xii-xiv):

1. Menjadikan kitab asal berbahasa Arab yang telah mendapat ulasan para ulama sebagai rujukan.
2. Setiap hadith diletakkan rujukan.
3. Meletakkan ulasan sekiranya ada percanggahan pendapat kualiti hadith.
4. Menyatakan matan berbahasa Arab.
5. Meletakkan bahagian dan bab.

Ini menjadikan anatomi buku tersebut lebih kemas dan mudah dibaca hatta oleh orang awam. Naskhah ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama selepas Kandungan, Kalam Penerbit, Metodologi Terjemahan, Pendahuluan dan Biodata iaitu:

Bahagian 1 : Mengapakah Buku Ini Ditulis?

Bahagian 2 : Pemalsu Hadith

Bahagian 3 : Ciri-Ciri Hadith Palsu Berdasarkan Kandungan (Ibn Qayyim al-Jauziyyah r.h. mengumpulkan sebanyak 63 ciri hadith- hadith palsu (*mawdu* ') yang dibincangkan dalam bab ini).

## Kesimpulan

Penerbitan buku-buku bertema hadith dan ilmu-ilmunya membuka dimensi baru bagi ruh beragama dan mengenali Islam daripada sumber-sumbernya yang dijaga ketulenan oleh para alim ulama sepanjang zaman. Ia adalah suatu fenomena yang positif di mana orang awam akan lebih berhati-hati mengambil dan mengamalkan urusan kepercayaan dan praktikal agama mereka malah para penceramah akan menjadi lebih teliti dan ilmiah dalam penyampaian mereka kerana mempunyai kesedaran bagi memastikan bahan penyampaian mereka khususnya yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW iaitu hadith atau sunnah adalah bersih daripada sebarang kecacatan yang membawa kepada status lemah dan palsu.

## Rujukan

- al-A'zami, Muhammad Mustafa. 1980. *Dirasat fi al-Hadith al-Nabawi wa Tarikh Tadwinuhu*, Jil. 1, Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Abdul Ghani Azmi Idris. 2003. *al-Bid'ah: Bahaya & Keburukannya*. Batu Caves: al-Hidayah Publisher.
- Abu Ali al-Banjari al-Nadwi al-Maliki. 2013. *Edisi Istimewa 40 Hadith Akhir Zaman: Serta Tiga Siri Kitab 40 Hadith & Huraiannya Merangkumi Ilmu dan Ulama, Akhlak Mulia dan Penawar Hati*. Kota Damansara: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- al-'Asqalani, Ibn Hajar, *Taghliq al-Ta'liq, Kitab al-'Ilm, Bab Yaqbid al-'Ilm*, [https://library.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=991&pid=526737](https://library.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=991&pid=526737)
- Faisal Ahmad Shah. 2016. *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fauzi Deraman. 2010. *Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh-Karya-Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). <http://sunnah.com/>  
<http://www.kemilau.net.my/>
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 2015. *Kenali Hadis Shohih, Dhoif, Palsu*. Syihabuddin Ahmad (terj.). Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Ibn Taimiyyah. 2016. *Menolak Celaan Terhadap Ulama: Perselisihan Bukan Perpecahan*. Syihabudin Ahmad (terj.). Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali. 2010. *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa 'Abd al-Rahman. 2008. *Hadith 40: Terjemahan dan Syarahnya*, Terj. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar (DFP).
- al-Qaradawi, Yusuf. 2008. *al-Sunnah wa al-Bid'ah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah
- al-Suyuti, Imam. 2015. *Sebab Hadis Diucapkan Oleh Rasulullah*, Syihabudin Ahmad (terj.). Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Tahhan, Mahmud. 1415H. *Taysir Mustalah al-Hadith*, al-Iskandariyyah: Markaz al-Hadi li al-Dirasat.
- al-Zahrani, Muhammad ibn Matar. 1996. *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyah Nash'atuhu wa Tatawwuruhi min al-Qarn al-Awwal ila Nihayat al-Qarn al-Tasi' al-Hijri*. Sa'udi: Dar al-Hijrah li al-Nishr wa al-Tawzi'.